

08/06/2001

Zainol diminta letak jawatan Adun Bayu

Hassan Omar; Safuri Kamarudin

BALING, Khamis - Umno Bahagian Baling terus menghadapi masalah berikutan pelucutan jawatan Datuk Zainol Md Isa sebagai ketua bahagian selepas didapati bersalah terbabit dalam politik wang.

Selepas bantahan oleh ahli berikutan pelantikan Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman menggantikannya, kini ada pula kumpulan yang mendesak Zainol mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayu.

Mereka berpendapat Zainol yang melepaskan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) juga perlu meletakkan jawatan Adun kerana terbabit dalam rasuah politik.

Desakan mereka disuarakan menerusi kain rentang yang dipasang di sekitar Baling bagi mendesak Zainol mengosongkan kerusi DUN Bayu.

Tinjauan Berita Harian malam tadi mendapati tiga kain rentang mendesak beliau berbuat demikian di Kampung Haji Abas, Simpang Banggol Saga, Bongor dan Kampung Mak Liah, di Jalan Weng.

Difahamkan kain rentang itu dipasang kira-kira 8.30 malam tadi oleh kumpulan tertentu yang kesal dengan pemimpin mereka yang terbabit rasuah.

Berita Harian difahamkan kira-kira 20 kain rentang dipasang di sepanjang jalan di kawasan Bayu lewat malam tadi. Bagaimanapun, hanya tiga yang kelihatan sepanjang laluan utama dari pekan Baling ke Siong.

Zainol yang menang menewaskan Raja Ariffin pada pemilihan bahagian April lalu dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin Umno yang kemudiannya diperakui MT.

Beliau juga telah diminta meletakkan jawatan Ahli Exco bagi mencerminkan ketegasan Umno dalam menangani rasuah politik.

Sebelum bertanding DUN Bayu pada pilihan raya umum lalu, Zainol adalah Adun Kupang, juga dalam kawasan Parlimen Baling.

Zainol menjadi Adun Bayu setelah menang dalam pilihan raya lalu menewaskan calon Pas, Abd Raoh Che Meh dan dilantik menjadi Exco kanan kerajaan negeri Kedah oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Sebelum ini, 114 ketua cawangan Umno di Baling menghantar surat bantahan dan meminta penjelasan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung pelantikan Raja Ariffin yang menurut mereka bercanggah dengan perlembagaan parti.

Di Alor Star, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin ketika diminta mengulas perkembangan di Baling berkata, Umno perlu kukuh dan bukan dibelenggu masalah dalaman akibat sesetengah ahli yang tidak puas hati terhadap keputusan MT.

"Saya saya yakin Umno Perhubungan Negeri boleh bertindak untuk mengawal keadaan," katanya selepas melancarkan Kempen Menangani Skim Cepat Kaya.

(END)